

Headline **Cacat bukan penghalang kejayaan OKU**  
 Date **06. Aug 2008**  
 Media Title **Utusan Malaysia**  
 Section **Dlm Negeri**  
 Circulation **238082**  
 Readership **833287**

Language **MALAY**  
 Page No **16**  
 Article Size **433 cm<sup>2</sup>**  
 Frequency **Daily**  
 Color **Full Color**  
 AdValue **6101.75**



RAJA Nazrin Shah menyampaikan ijazah kepada Ng Shean Lan pada Majlis Konvokesyen 2008 Universiti Malaya, Kuala Lumpur, semalam.



MOHD. Arshad Maidin yang cacat penglihatan ditemani ibu bapanya, Ginah Yunos (kiri) dan Maidin Abu Bakar serta dua orang adiknya pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaya, semalam.

– Gambar MOHD. NAZUDEEN MAHMUD

## Cacat bukan penghalang kejayaan OKU

KUALA LUMPUR 5 Ogos – Kecacatan tidak menghalang seorang bekas pesakit polio untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat sarjana dan memperoleh keputusan yang cemerlang.

Ng Sheau Lan, 41, yang mengikuti kursus ekonomi secara separuh masa di Universiti Malaya (UM) berjaya memperoleh Ijazah Sarjana kelas pertama dengan keputusan purata nilai gred kumulatif (CGPA) 3.74 mata.

Dia menghidap polio ketika berusia 11 bulan dan bertukar daripada seorang kanak-kanak yang sihat kepada orang kurang upaya (OKU) apabila kakinya menjadi cacat dan terpaksa menggunakan tongkat untuk bergerak.

Namun begitu, kecacatan itu tidak menghalang Sheau Lan melanjutkan pelajaran walaupun sering dipandang rendah oleh orang ramai.

“Saya tidak menafikan menghadapi pelbagai masalah selama ini. Namun, ia tidak halang saya untuk mengambil kursus kegemaran iaitu ekonomi walaupun dengan keadaan anggota badan yang kurang upaya,” katanya ketika ditemui selepas menerima Ijazah Sarjana Ekonomi pada majlis Konvokesyen UM di sini hari ini.

Ijazah tersebut disampaikan oleh Tuanku Pro-Canselor UM, Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah.

Sebelum ini, Sheau Lan berjaya menamatkan pengajian dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan menerima anugerah pelajar cemerlang pada ketika itu.

Beliau yang kini bekerja sebagai penolong pengurus di sebuah syarikat pembangunan perisian di Puchong berkata, kecacatan bukan halangan untuk mendapat pekerjaan asalkan seseorang itu mempunyai kemahiran tertentu.

Sementara itu bagi Mohd. Arshad Maidin, 30, yang mengalami kecacatan penglihatan sehingga menyekatnya untuk membaca, namun ia tidak menghalang beliau untuk memperoleh ijazah Sarjana

Sastera (Sejarah Malaysia) yang diidamkannya selama ini.

Mohd. Arshad yang kini mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Mas di Kota Tinggi, Johor berkata, peluang untuk berjaya ada pada setiap insan tanpa mengira keadaan fizikal mereka.

“Saya selalu mengingatkan anak murid saya bahawa kejayaan itu boleh dicapai oleh sesiapa sahaja asalkan mereka mempunyai semangat yang tidak berputus asa.

“Orang kurang upaya (OKU) seperti saya juga tidak boleh bersikap terlalu rendah diri kerana ia akan menjelaskan perjuangan untuk mencapai kejayaan,” katanya.